

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), jumlah keseluruhan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seramai 129,531 terdiri daripada 13,810 Pegawai Kanan Polis, 104,119 Pegawai Rendah Polis dan 11,602 pegawai awam. Perkhidmatan dalam pasukan polis terdiri daripada pelbagai skim mengikut kumpulan iaitu Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

Gaji yang ditawarkan dalam perkhidmatan polis adalah berdasarkan kepada saluran kemasukan iaitu:

- i) kemasukan melalui lantikan Inspektor, gaji minimum adalah sebanyak RM2,502.00 hingga gaji maksimum sebanyak RM9,803.00 sebulan;**
- ii) kemasukan melalui lantikan Sarjan, gaji minimum adalah sebanyak RM1,824.00 hingga gaji maksimum sebanyak RM5,801.00 sebulan;**
- iii) kemasukan melalui lantikan Konstabel, gaji minimum adalah sebanyak RM1,824.00 hingga gaji maksimum sebanyak RM4,152.00 sebulan;**